

04 MAR 1999

Sultan-Tabal

SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN DITABAL SEBAGAI SULTAN TERENGGANU KE-16

KUALA TERENGGANU, 4 Mac (Bernama) -- Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah hari ini ditabalkan sebagai Sultan Terengganu ke-16 pada satu majlis berwarna-warni dan penuh adat istiadat diraja.

Baginda yang kini memakai gelaran Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin, dimasyhurkan sebagai Sultan Terengganu pada 15 Mei tahun lepas, sehari selepas kemangkatan ayahandanya.

Istiadat pertabalan itu dimulakan pada pukul 3.55 petang di Istana Maziah dan menjadikan baginda yang berusia 37 tahun, raja paling muda di kalangan raja-raja di negara ini sekarang.

Turut berangkat ke majlis pertabalan itu ialah Sultan dan Sultanah Johor manakala negeri-negeri lain diwakili Raja Muda dan Tengku Mahkota masing-masing. Turut hadir Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak.

Brunei juga diwakili pada majlis itu oleh Pengiran Muda Mahkotanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hadir mewakili Yang di-Pertuan Agong. Turut sama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan isteri Toh Puan Sri Aishahtun Suhaimi serta para pembesar negeri.

Istiadat dimulakan dengan keberangkatan Sultan Mizan dan Permaisuri Nur Zahirah ke perkarangan Istana Maziah, disambut Menteri Besar dan kerabat diraja.

Selepas memeriksa barisan yang terdiri daripada 48 orang anggota Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), baginda berdua kemudian berangkat masuk ke Dewan Singhsana dengan diiringi paluan nobat.

Menteri Besar membacakan permesyukuran pertabalan dan ia kemudian diserahkan kepada ketua istiadat Tengku Seri Indera Raja Datuk Seri Raja Zainal Karib Shah.

Tengku Seri Indera Raja selepas itu diiringi beberapa pembantunya membawa masuk Mahkota Sultan dan Gendik Permaisuri.

Beliau kemudian menanggalkan tengkolok yang dipakai Sultan dan menggantikannya dengan mahkota itu kemudian diikuti dengan seruan 'Daulat Tuanku' oleh Ketua Bentara dan disambut oleh para hadirin.

Selepas itu, Tengku Seri Indera Raja memahkotakan pula Gendik Permaisuri dan diikuti dengan paluan nobat serta serentak meriam ditembak 21 das.

Selepas Istiadat Menjunjung Duli selesai, doa dibacakan oleh Mufti Negeri Datuk Engku Alwi Engku Haji Ambak sebelum ketua istiadat memohon perkenan Sultan menamatkan upacara istiadat itu pada pukul 6 petang.

Selepas itu, majlis Perarakan Diraja pula diadakan dan Sultan Mizan dan Permaisuri Nur Zahirah menaiki kenderaan khas sambil diiringi pembesar lain untuk diarak sekeliling bandar Kuala Terengganu.

Antara jalan yang dilalui ialah Jalan Sultan Zainal Abidin, Jalan Sultan Ismail, Jalan Air Jernih, Jalan Syed Zain, Jalan Pulau Kambing, Jalan Hiliran, Jalan Cabang Tiga, Jalan Sultan Muhammad, Jalan Kamarudin dan Jalan Sultan Mahmud sebelum mengakhirinya di Istana Badariah, Batu Buruk.

Murid-murid sekolah, pasukan seragam dan orang ramai kira-kira 30,000 orang berdiri di sepanjang jalan yang dilalui Sultan dan Permaisuri Terengganu sambil melambai-lambaikan bendera negeri.

-- BERNAMA

SBS RON